

BAHAGIAN A**JAWAB SEMUA SOALAN. TANDAKAN HITAM DAN BULATKAN PADA RUANG JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.**

1. Keperluan asas manusia ialah sesuatu yang
 - A. Mesti ada untuk kehidupan harian
 - B. Mesti ada untuk hidup lebih mewah.
 - C. Mesti ada untuk kehidupan yang mudah dan selesa.
 - D. Menjadi asas kepada kebahagiaan manusia.

2. Manusia mempunyai kehendak yang berbeza antara individu. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kehendak manusia ?
 - A. Senang dipuaskan.
 - B. Berubah mengikut taraf hidup.
 - C. Perlu untuk terus hidup.
 - D. Pilihan kehendak terhad.

3. Menurut Abraham Maslow, manusia memerlukan penghargaan dan pengiktirafan. Keperluan berkenaan ialah
 - A. Keperluan Rohani.
 - B. Keperluan Sosial.
 - C. Keperluan Keselamatan.
 - D. Keperluan Fisiologi.

4. Manakah antara berikut tidak benar mengenai pengeluaran langsung ?
 - A. Tidak mengamalkan pengkhususan.
 - B. Barangan tidak dijual kepada orang lain.
 - C. Dikendalikan oleh individu dengan menghasilkan barangan bagi keperluan orang lain.
 - D. Dikendalikan secara kecil-kecilan oleh individu bagi memenuhi keperluannya.

5. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah tidak benar tentang sistem barter ?
 - A. Sistem barter diamalkan di kalangan masyarakat sara diri.
 - B. Sistem barter merupakan suatu bentuk perniagaan terawal.
 - C. Sistem barter dapat memuaskan kehendak dan keperluan manusia.
 - D. Pengkhususan dalam pengeluaran merupakan salah satu faktor wujudnya sistem ini

6. Apakah yang dimaksudkan dengan perdagangan?
 - A. Aktiviti mengagihkan bahan daripada pengeluar kepada pengguna akhir.
 - B. Aktiviti menghasilkan barang dan perkhidmatan
 - C. Aktiviti memenuhi keperluan dan kehendak manusia
 - D. Aktiviti perniagaan yang berskala besar

7. Manakah antara yang berikut membezakan antara komunikasi dengan pengangkutan?
 - a. Meluaskan pasaran

- b. Mempercepat urusan niaga
 - c. Membantu peniaga menerima pesanan
 - d. Membuat penghantaran bekalan stok kepada peniaga
8. Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan dalam negeri ?
- A. Aktiviti membeli dan menjual barang dan perkhidmatan yang dijalankan antara penduduk di sesebuah negara.
 - B. Aktiviti membeli dan menjual barang dan perkhidmatan yang dijalankan antara penduduk sesebuah negara dengan negara yang lain.
 - C. Perniagaan berskala besar dan menjalankan aktiviti memecahkan pukat.
 - D. Terdiri daripada perniagaan runcit dan perniagaan borong.

Siti merupakan seorang pemborong yang membekalkan peralatan bayi kepada kedai peralatan bayi di Negeri Sembilan.

9. Antara yang berikut, manakah kegiatan perniagaan dilaksanakan oleh Siti ?
- A. Perniagaan antara bangsa
 - B. Perniagaan entrepot
 - C. Perniagaan dalam negeri.
 - D. Perniagaan runcit kecil-kecilan.
10. Antara berikut yang manakah kelebihan Gedung Aneka Jabatan kepada peniaga ?
- A. Tidak mendapat layanan peribadi.
 - B. Tidak dapat membeli secara kredit.
 - C. Semua barang boleh dibeli di bawah satu bumbung.
 - D. Terletak di pusat bandar, jauh daripada kawasan kediaman pelanggan.

- Mempunyai kuasa untuk mengatur strategi pemasaran
- Menjual mengikut harga dan syarat yang telah ditetapkan.
- Menerima komisen berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

11. Manakah antara yang berikut benar tentang pernyataan di atas ?
- A broker
 - B jobber para
 - C ejen penjual
 - D ejen pengeluaran

Pada 5 April 2006, Encik Abu Bakar membeli sebuah computer berharga RM 3500.00 daripada syarikat Dot. Com. Di dalam invoisnya syarikat Dot. Com. Menawarkan diskaun niaga sebanyak 8% dan diskaun tunai 5% untuk 15 hari dan 2% untuk 30 hari. Encik Abu Bakar membayar pada 10 April 2006.

12. Berdasarkan kes di atas, berapakah jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh Encik Abu Bakar ?

- A RM2983.00
- B RM 314.00
- C RM 3059.00
- D RM 3325.00

13. Apakah dokumen yang paling diperlukan sekiranya pengimport ingin menuntut barang yang telah sampai ke pelabuhan ?

- A bil perintah bayar
- B invoie konsular
- C bil muatan
- D sijil asal usul

14. Hasni, seorang pengeksport di Malaysia berhasrat untuk mengeksport barang keluaran syarikatnya ke Indonesia. Apakah masalah yang bakal dihadapinya?

- | | |
|----------------------------------|---------------------------------|
| I Masalah bahasa. | III Masalah prosedur kastam |
| II Masalah pertukaran mata wang. | IV Masalah kerumitan pembayaran |

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

15. Encik Mohan memiliki sebuah kilang plastik. Beliau menghadapi masalah kawalan mutu pengeluaran. Mengapakah masalah tersebut boleh wujud?

- A. Buruh yang tidak mencukupi
- B. Bekalan elektrik terputus
- C. Masalah hutang lapuk daripada pelanggan
- D. Kekurangan kemahiran dalam pengendalian mesin

16. Mengapakah IKS gagal mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan?

- A. Tahap teknologi IKS adalah rendah.
- B. Pengurusan kewangan IKS lemah.
- C. Keluaran IKS kurang mendapat pasaran
- D. Pengurusan kakitangan IKS kurang berkesan

17. Pilih pernyataan yang betul mengenai tujuan penswastaan.
- I Meningkatkan peranan sektor awam
 - II Meningkatkan kecekapan dan produktiviti
 - III Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan hasil kerajaan
 - IV Membolehkan orang ramai memiliki saham dalam syarikat swasta
- A I dan II
B II dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV
18. Antara yang berikut, yang manakah huraian yang tepat untuk menunjukkan perbezaan antara pelabur dengan spekulator?
- A Pelabur dan spekulator akan membuat pertimbangan yang rasional sebelum melabur
B Spekulator akan mengutamakan pulangan jangka panjang yang berterusan sementara pelabur cuba mengaut keuntungan dengan cepat
C Penglibatan pelabur melemahkan pasaran sementara penglibatan spekulator mencergaskan pasaran
D Pelabur mempunyai komitmen modal manakala spekulator tiada
19. Perbankan secara Islam berbeza dengan secara Konvensional kerana mengamalkan perkara berikut, KECUALI
- A. Berlandaskan hukum syarak
 - B. Operasinya berlandaskan akad
 - C. Kadar dividen yang tinggi diberikan kepada peminjam
 - D. Pembahagian keuntungan secara adil kepada pelabur dan penyimpan
20. Pernyataan berikut merujuk kepada sebuah bank.
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Memberi pinjaman dan menerima simpanan• Memberi khidmat nasihat tentang pengurusan kewangan• Menanggung jaminan terbitan syer |
|---|
- Apakah bank tersebut?
- A. Bank saudagar
 - B. Bank Koperasi
 - C. Bank Perdagangan
 - D. Bank Badan Berkanun

BAHAGIAN B

Arahan: Jawab 3 soalan sahaja

SOALAN 1

1 (a)

Buah kelapa sawit dipetik dari ladang dibawa ke kilang untuk diproses menjadi sabun yang kemudiannya dipasarkan untuk kegunaan orang ramai

Nyatakan **DUA** jenis nilai faedah yang wujud daripada ssituasi tersebut (2 markah)

(b) Seorang usahawan perlu memiliki sifat-sifat yang baik untuk berjaya. Terangkan sifat kreatif dan inovatif yang mendorong kejayaan usahawan. (4 markah)

(c) Pengkhususan memberikan peningkatan dalam proses pengeluaran. Namun begitu, pengkhususan memberikan kesan negatif dalam perdagangan. Huraikankan mengapa kesan negatif ini berlaku? (4 markah)

(d) Perhubungan Antara pengeluaran, perdagangan dan perniagaan sangat berkait. Terangkan. (5 markah)

SOALAN 2

2 (a) Terangkan masalah yang akan dihadapi oleh seorang peruncit sekiranya pemborong tidak wujud. (4 markah)

(b) Apakah yang anda faham mengenai mesin peruncitan automatik (3 markah)

(c) Nyatakan faktor-faktor wujudnya perniagaan antarabangsa (4 markah)

(d) Huraikan perbezaan antara perniagaan antarabangsa dengan perniagaan dalam negeri. (4 markah)

SOALAN 3

- 3 (a) Nyatakan **EMPAT** ciri –ciri yang terdapat dalam Industri Kecil dan Sederhana. (4 markah)
- (b) Bagaimanakah Industri Kecil dan Sederhana menyelesaikan masalah kewangannya. (4 markah)
- (b) Bagaimanakah seseorang usahawan dapat memulakan perniagaan sendiri? Jelaskan (4 markah)
- (c) Sebutkan **TIGA** tujuan penswastaan. (3 markah)

SOALAN 4

- 4 (a) Walaupun terdapat banyak peluang pelaburan di negara kita tetapi terdapat empat jenis peluang pelaburan yang utama .Huraikan selengkapnya setiap jenis pelaburan. (4 markah)
- (b) Berikan perbezaan antara Sistem Perbankan Konvensional dengan Sistem Perbankan Islam (4 markah)
- (c) Pada 1 Ogos 2006, Pn Normah telah pergi ke Bank Cepak untuk menunaikan cek di bawah tetapi pihak bank telah mengembalikan cek tersebut kepada Pn Normah.

Bank Cepak Berhad Jalan Maju, Kuala Lumpur	Tarikh: 26 Ogos 2006
Bayar : Normah Ramli Ringgit Malaysia: Tiga ribu sahaja.	ATAU PEMBAWA <div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 5px; margin: 5px 0;"> RM 30000.00 </div> <i>lezahzaini</i>
23423556 23 3453366747 01	

- (i) Mengapakah cek tersebut dikembalikan? (4 markah)
- (ii) Terangkan cara-cara untuk menjadikan cek tersebut lebih selamat? (3 markah)

-----SOALAN TAMAT -----